

PM perjuang nasib rakyat Kampuchea

BM 24 AUG 1986

KUALA LUMPUR, Sabtu — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan memperjuangkan nasib rakyat Kampuchea di sidang kemuncak Pergerakan Berkecuali di Harare, Zimbabwe awal bulan depan.

Ketua Setiausaha Kementerian Luar, Tan Sri Zainal Abidin Sulong, berkata jaminan itu diberi oleh Perdana Menteri kepada Presiden Kerajaan Campuran Demokratik Kampuchea (CGDK), Putera Norodom Sihanouk yang mengunjungi beliau pagi ini.

"Perdana Menteri berkata, Malaysia

akan terus berusaha sedaya upaya membantu rakyat Kampuchea dan berharap perjuangan mereka akan berjaya," katanya dalam taklimat kepada akhbar selepas lawatan Putera Norodom.

Pejuang

Katanya, Datuk Seri Dr Mahathir juga akan menimbulkan isu yang sama di perhimpunan agung Bangsa-Bangsa Bersatu di New York bulan depan.

Menurut Tan Sri Zainal, Putera Norodom Sihanouk memberitahu Perdana Menteri mengenai an-

caman yang timbul disebabkan kewujudan kira-kira 700,000 tentera Vietnam di Kampuchea.

"Jika penjajahan ini berterusan, Putera Norodom menjangka jumlah tentera Vietnam di Kampuchea akan meningkat kepada dua juta menjelang 1996," katanya.

Menurutnya, Putera Sihanouk juga mengalu-alukan pendirian Malaysia mengenai perlunya kerjasama lebih erat di kalangan pejuang pembebasan di Kampuchea pada masa akan datang.

Semalam, Perdana Menteri menegaskan pentingnya kerjasa-

ma itu bagi mencapai kejayaan dalam perjuangan diplomatik dan ketenteraan menentang Vietnam.

Katanya, Malaysia akan terus berusaha mendapatkan sokongan daripada negara-negara lain untuk cadangan lapan perkara CGDK.

Menurut beliau, cadangan itu melambangkan kesungguhan CGDK untuk menamatkan pertikaian di Kampuchea.

Putera Sihanouk, yang diiringi oleh anaknya Putera Norodom Ranariddh, adalah dalam lawatan lima hari ke negara ini.